

# Undi cara elektronik

## Sistem diguna pakai UPM sejak 2004 pastikan ketelusan pilihan raya kampus

>>Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaiza@hmetro.com.my

**B**AGI menjamin keberkesanan dan ketelusan pelaksanaan proses pilihan raya kampus, Universiti Putra Malaysia (UPM) menggunakan sistem pengundian secara elektronik atau e-undi pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009.

Sistem itu diperkenalkan pada 2004 bertujuan memastikan perjalanan pilihan raya berlangsung dengan lancar dengan mementingkan kerahsiaan, keselamatan, integriti data selain mesra pengguna.

Cara ini membolehkan 20,000 pelajar keluar mengundi dalam masa cuma sehari.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MPPUPM, Rosmi Othman, berkata lima modul terkandung dalam e-undi iaitu e-pendaftaran penamaan calon, e-pendaftaran pemilih, e-pembuangan undi, e-pen-



**Sistem ini membuktikan UPM telus dalam memilih wakil pelajar kerana ia ditentukan mereka sendiri”**

**>Rosmi Othman**  
Timbalan Pengerusi  
Jawatankuasa Teknikal MPPUPM

jumlahan undi dan e-paparan peratusan pengundian.

Menurutnya, dengan penggunaan e-undi, proses pilihan raya menjadi semakin mudah kerana segala semakan kelayakan, kesahihan status pelajar layak mengundi dan sebagainya boleh dipastikan selamat.

“E-pendaftaran penamaan memudahkan proses pendaftaran calon yang ingin bertanding kerana semakan boleh dilakukan secara automatik.

“E-pendaftaran pemilih pula membolehkan sekretariat

pilihan raya memastikan kesahihan status sama ada pelajar terbabit mendaftar atau mengundi.


“Manakala penyimpanan undi pula dimuatkan dalam e-pembuangan undi yang membolehkan pelajar memilih calon yang bertanding menerusi paparan muka yang bersifat mesra pengguna,” katanya.

Untuk menghadapi pilihan raya kampus baru, UPM menyediakan 80 komputer di lima pusat pembuangan undi.

Bagi proses pengiraan undi, ia akan menggunakan e-penjumlahan yang menjimatkan masa selain meminimumkan penggunaan tenaga kerja.

“Dengan penggunaan e-undi, UPM berharap pelajar dapat menjalankan tanggungjawab dan tidak akan menimbulkan keraguan terhadap proses pilihan raya yang berlangsung.

“Sistem ini membuktikan UPM telus dalam memilih wakil pelajar kerana ia ditentukan mereka sendiri,” katanya.



**BEGINI CARANYA....**pelajar mencuba keberkesanan sistem e-undi yang digunakan UPM dalam pilihan raya kampus.